

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 [KHAMIS]

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan hala tuju/ perancangan bagi memastikan tiada salah guna berhubung pemilikan rumah jenis mampu milik yang kini banyak disewakan. Adakah klausa serta undang-undang khas akan diwujudkan. Jika tidak, nyatakan apa rasionalnya dan jika ya, bilakah ia akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPKT bertanggungjawab menyediakan perumahan yang berkualiti, kondusif serta mampu dimiliki oleh rakyat, khususnya kepada golongan B40. Dalam menyediakan perumahan kepada golongan B40 khususnya melalui Program Perumahan Rakyat (PPR), terdapat juga penghuni yang mengambil kesempatan untuk menyalahgunakan unit tersebut seperti menyewakan rumah yang telah dihuni kepada pihak lain.

Dalam usaha memastikan tidak berlaku salah guna ke atas pemilikan PPR termasuk kesalahan menyewa keluar unit, proses tapisan untuk pemilihan dibuat secara teliti bagi memastikan hanya pemohon yang

benar-benar layak sahaja akan ditawarkan untuk mendapatkan PPR. Bagi dokumen perjanjian dengan penghuni, Kerajaan telah menetapkan syarat sekatan kepentingan dengan meletakkan halangan menjual atau memindah milik tanah serta melaksanakan apa-apa urusan niaga termasuk sewaan dalam tempoh moratorium selama 10 tahun bagi dokumen perjanjian jual beli dan dokumen hak milik tanah. Sekatan ini bertujuan memastikan rumah PPR dimiliki dan dihuni oleh kumpulan sasaran yang telah ditetapkan.

KPKT melalui JPN juga melaksanakan penguatkuasaan ke atas penghuni PPR dari semasa ke semasa secara berterusan termasuk aduan yang diterima bagi memastikan penghuni rumah PPR berkenaan tidak menyewa kepada pihak lain. Di samping itu, operasi penguatkuasaan juga dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia dalam usaha menangani pelbagai isu termasuk isu penghuni asal yang menyewakan kepada pihak lain.

KPKT akan sentiasa memantau dan melaksanakan penguatkuasaan ke atas perkara ini dari semasa ke semasa. Buat masa ini, tiada keperluan untuk mewujudkan undang-undang baharu bagi mengatasi permasalahan penyalahgunaan PPR memandangkan peraturan dan penguatkuasaan sedia ada sudah memadai untuk mencegah serta mengambil tindakan kepada penghuni yang menyalahgunakan kediaman mereka. KPKT sedang mengkaji untuk mewujudkan sistem dimerit bagi penghuni-penghuni PPR untuk memastikan penghuni-penghuni mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.